

**Wanita Umno Kudat Saran Jainab Tandingi Exco Wanita Pusat
Bernama
21 Ogos, 2013**

KOTA KINABALU, 21 Ogos (Bernama) -- Wanita Umno Kudat menyarankan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad bertanding bagi jawatan exco Wanita Umno pusat pada pemilihan parti kali ini.

Ketuanya Datin Aminah Ambrose berkata Jainab mempunyai kriteria pemimpin yang diperlukan dalam usaha mengangkat Wanita Umno ke peringkat lebih tinggi.

Selain sudah lama menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri Karambunai, Jainab juga berpengalaman sebagai Setiausaha Wanita Umno Sabah hampir dua penggal, katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Menurut Aminah, perbincangannya dengan beberapa ketua Wanita bahagian menunjukkan Jainab menerima sokongan padu jika beliau ingin bertanding jawatan exco terbabit.

Aminah juga menolak tanggapan pencalonan Jainab akan menjejaskan peluang dua lagi pemimpin Wanita Umno Sabah yang diuar-uar menandingi jawatan naib ketua Wanita Umno pusat.

"Jangan terlalu ingat mereka mewakili negeri...apa yang penting kita mahu pemimpin wanita yang boleh membawa pembangunan atau perkembangan wanita kita," katanya menambah dua tokoh terbabit mempunyai kelebihan masing-masing.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Azizah Mohd Dun mengesahkan menawar diri untuk bertanding jawatan naib ketua manakala Ketua Wanita Umno Sabah Datuk Armani Mahiruddin pula mendapat sokongan pemimpin Wanita Umno negeri untuk bertanding jawatan itu.

Sementara itu, Pemuda Umno Penampang menyokong agar jawatan ketua Pemuda Umno pusat yang kini disandang Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin, tidak dicabar.

Ketuanya Hafiz Sua Abdullah berkata sebagai menteri yang bertanggungjawab mengenai pembangunan belia, amat sesuai bagi Khairy terus memimpin pergerakan Pemuda Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971491>